

UMS-UTHM saling bertukar idea Kolej Kediaman

UB 6.5.2014 B2

KOTAKINABALU: Bahagian Perumahan dan Hospitaliti (BPH), Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan lawatan kerja ke Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) baru-baru ini.

Lawatan tersebut disertai oleh enam orang pegawai daripada BPH yang diketuai

oleh Pengerusi Majlis Pengetua-pengetua Kolej Kediaman UMS (MAPeK), Dr. Andika Aziz Hussin.

Menurut Dr. Andika, tujuan lawatan tersebut adalah untuk berkongsi maklumat serta idea baharu mengenai Kolej Kediaman di kedua-dua universiti itu.

“Ia selaras dengan matlamat

BPH untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik dari sudut kemudahan penginapan, kebajikan dan keselamatan kepada para pelajar,” ujar beliau.

Pada lawatan tersebut, rombongan BPH UMS telah dibawa untuk melihat persekitaran dan kemudahan yang terdapat di Kolej

Kediaman Perwira dan Kolej Kediaman Tun Fatimah, UTHM.

“Lawatan seumpama ini diharap dapat membawa manfaat kepada Kolej Kediaman UMS sebagai sebuah pusat kecemerlangan dan pelengkap kepada sistem pendidikan di Universiti,” tambahnya.



NAIB Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin (dua dari kiri) bersama rombongan BPH UMS.